

Panduan Am

Bagi tujuan penyeragaman Perintah-perintah Mahkamah Syariah Selangor, perkara-perkara berikut hendaklah diambil perhatian:

1. Menggunakan fon jenis *Arial* bersaiz 12, dengan jarak baris bersaiz 1.15.
2. *Intitulement* (tajuk am, nombor kes, nama pihak-pihak) dan format asas kerangka perintah hendaklah, *mutatis mutandis*, mengikut:
 - a) **FORMAT PERINTAH-1** : **Penghakiman**
 - b) **FORMAT PERINTAH-2** : **Perintah**
 - c) **FORMAT PERINTAH-3** : **Penghakiman Persetujuan**
 - d) **FORMAT PERINTAH-4** : **Perintah Faraid**
3. Kandungan dan intipati suatu perintah/ penghakiman hendaklah mengikut **FORMAT KANDUNGAN**. Penggunaan istilah Saman, Permohonan, Plaintiff, Defendan dan sebagainya hendaklah, *mutatis mutandis*, mengikut keperluan dan kesesuaian satu-satu perintah.
4. Arahan Amalan No. 1 Tahun 2008 : Penyediaan Draf Perintah, hendaklah dipatuhi.
5. Penggunaan nama nama bulan Islam hendaklah berpandukan panduan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia seperti yang berikut:
 - a) Muharam
 - b) Safar
 - c) Rabiulawal
 - d) Rabiulakhir
 - e) Jamadilawal
 - f) Jamadilakhir
 - g) Rejab
 - h) Syaaban
 - i) Ramadan
 - j) Syawal
 - k) Zulkaedah
 - l) Zulhijah
6. Penulisan nombor dalam perintah/ penghakiman hendaklah berpandukan peraturan-peraturan berikut:
 - a) Nombor yang kurang daripada 10 (1-9) perlu ditulis dengan perkataan. Contoh: "...*dengan ber'iddah selama tempoh tiga kali suci*"

- b) Nombor bagi tahun kalendar atau tarikh tidak perlu ditukarkan kepada ejaan, sebaliknya dikekalkan dalam nombor.
Contoh: “...*yang diadnikahkan pada 3 November 2025*”.
- c) Nombor yang melibatkan nilai mata wang (RM dan sen) ditulis dalam bentuk angka dan tidak perlu dinyatakan dalam bentuk perkataan.
Contoh: “... *memerintahkan Defendan membayar RM1,200,000.00 sebagai mut’ah*...”.
- d) Nombor pada alamat ditulis dalam bentuk angka.
Contoh: “... *di alamat No. 2, Jalan Perdana 3/8*...”
- e) Nombor pecahan ditulis dalam bentuk angka dan tidak perlu dinyatakan dalam perkataan.
Contoh: 1/3, 7/144.
- f) Simbol % tidak perlu dinyatakan dalam perkataan.
Contoh: “...*sebanyak 50%*”.
7. Perkataan-perkataan berikut hendaklah diselaraskan ejaannya seperti yang berikut ini:

mut’ah	<i>darar syarie</i>	shiqaq	hukum syarak	‘iddah	<i>iwadh</i>
ta’liq	<i>ba-in sughra</i>	nusyuz	Peguam Syarie	ruju’	<i>li’an</i>
talaq	<i>ba-in kubra</i>	wali Raja	talaq raj’i	khul’	

8. Tarikh di bahagian bawah perintah hendaklah dicap dan tidak boleh ditaip.

FORMAT PERINTAH – 1

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2408-L2810-227-0617

ANTARA

MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)

PLAINTIF

DAN

WAN HELMI BIN SAMAD
(NO. KP: 851212-10-5650)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohikul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co. Setelah meneliti pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar RM15,000.00 sebagai mut'ah kepada Plaintiff sebelum atau pada 5 Jun 2025.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar kos kepada Plaintiff sebanyak RM2,500.00 dalam tempoh satu bulan dari tarikh hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan semua pembayaran ini dibuat dengan cara memasukkannya ke dalam Akaun Maybank milik Plaintiff (No. Akaun: 1624663354).

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

• “*Borang MS 28*” perlu dinyatakan dalam kes sebelah pihak sahaja.

• Tajuk perlulah mengandungi jenis tindakan yang berkaitan iaitu:

SAMAN NO. :

PERMOHONAN NO. :

RAYUAN NO. :

• Sekiranya kes melibatkan banyak pihak, maka nama-nama pihak yang terlibat hendaklah dinyatakan.

• Pilih jenis pihak-pihak yang bersesuaian:

- Plaintiff & Defendan
- Pemohon & Responden
- Pemiutang Penghakiman & Penghutang Penghakiman
- Perayu & Responden

• Maklumat pada *intitulement* atau tajuk am ditulis dalam huruf besar (kapital) dan ditebalkan (**BOLD**)

• Gelaran hakim hendaklah digunakan pada nama Hakim Syarie seperti Arahan Amalan No. 16 Tahun 2007.

• Seseorang yang belum dewasa atau yang hilang upaya atau yang telah mati dan diwakili oleh sahabat wakil atau penjaga *ad litem*, atau pentadbir, maka butiran wakilan hendaklah dinyatakan.

Contoh:

MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)
melalui penjaga *ad litemnya*
RANI BINTI SUDIR
(NO. KP: 891212-10-4320)

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2310-L2810-162-0866

ANTARA

MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)

PLAINTIF

DAN

WAN HELMI BIN SAMAD
(NO. KP: 851212-10-5650)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohikul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan kehadiran Defendan. Setelah meneliti pliding, keterangan, hujahan dan sumpah *istizhar*; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 53(1)(a) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mensabitkan tempat di mana beradanya Defendan telah tidak diketahui sejak Januari 2014 sehingga November 2024.
3. Mahkamah memerintahkan pernikahan Plaintiff dan Defendan dibubarkan dan difasakhkan mulai hari ini 30 Disember 2024 jam 10.00 pagi. Plaintiff hendaklah ber'iddah selama tempoh tiga kali suci mulai hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor dan Surat Perakuan Nikah No. Siri 76534, Bil. Daftar 675/98, Negeri Selangor dibatalkan.

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

- Nama-nama hakim dan pegawai mahkamah mengikut seperti yang disenaraikan dalam laman web www.jakess.gov.my
- Gelaran seperti Yang Arif, Dato', Haji, Tuan hendaklah dinyatakan.
- Darjah kebesaran seperti A.M.S, S.P.M.S, P.P.T tidak perlu dinyatakan.
- Tarikh hendaklah diletakkan di bahagian kiri dan hendaklah dinyatakan mengikut tahun Masihi dan tahun Hijrah.
- Perkataan "hari bulan" atau "hb." tidak perlu ditulis.
- Nama bulan dalam tarikh hendaklah dieja sepenuhnya.
- Jenis sidang perbicaraan hendaklah ditulis sewajarnya dan Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Fi, Elaun & Kos) 2006 terpakai iaitu:
 - MAHKAMAH TERBUKA
 - MAHKAMAH TERTUTUP
 - DALAM KAMAR
- Semua pernyataan pada bahagian ini ditulis dalam huruf kapital dan tidak perlu ditebalkan (BOLD).
- Nombor Siri Surat Perakuan Nikah dan Surat Perakuan Ruju' hendaklah dimasukkan.

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2408-L2810-227-0617

ANTARA

MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)

PLAINTIF

DAN

WAN HELMI BIN SAMAD
(NO. KP: 851212-10-5650)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446H

MAHKAMAH TERBUKA


PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohibil Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co. Setelah meneliti pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar RM15,000.00 sebagai mut'ah kepada Plaintiff sebelum atau pada 5 Jun 2025.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar kos kepada Plaintiff sebanyak RM2,500.00 dalam tempoh satu bulan dari tarikh hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan semua pembayaran ini dibuat dengan cara memasukkannya ke dalam Akaun Maybank milik Plaintiff (No. Akaun: 1624663354).

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

❖ Nyatakan jenis perintah mengikut kesesuaian:

1. PERINTAH
2. PENGHAKMAN
3. PENGHAKIMAN
PERSETUJUAN
4. PERINTAH FARAID

❖ **PERINTAH:** perkataan ini digunakan dalam keadaan di mana perintah diperolehi melalui permohonan yang menggunakan afidavit, atau sebarang perintah yang dibuat semasa prosiding berjalan.

❖ **PENGHAKIMAN:** perkataan ini digunakan apabila sesuatu keputusan yang dibuat adalah keputusan yang telah memuktamadkan sesuatu tindakan tersebut.

❖ **PENGHAKIMAN PERSETUJUAN:** perkataan ini digunakan apabila sesuatu keputusan dibuat berdasarkan Seksyen 131 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

SAMAN NO. : 2408-L2810-227-0617

ANTARA

**MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)**

PLAINTIF

DAN

**WAN HELMI BIN SAMAD
(NO. KP: 851212-10-5650)**

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

MAHKAMAH TERBUKA


PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohibul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co. Setelah meneliti pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar RM15,000.00 sebagai mut'ah kepada Plaintiff sebelum atau pada 5 Jun 2025.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar kos kepada Plaintiff sebanyak RM2,500.00 dalam tempoh satu bulan dari tarikh hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan semua pembayaran ini dibuat dengan cara memasukkannya ke dalam Akaun Maybank milik Plaintiff (No. Akaun: 1624663354).

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




.....
Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

- ☑ Kandungan perintah hendaklah menyatakan status kehadiran pihak-pihak dan Peguam Syarie.
Contoh: "...dan tanpa kehadiran Defendan."
- ☑ Nama pihak-pihak tidak perlu dinyatakan.
- ☑ Nama Peguam Syarie hendaklah dinyatakan mengikut Wakalah Peguam Syarie.
- ☑ Gelaran jawatan hendaklah dinyatakan pada nama Peguam Syarie seperti Arahan Amalan No 16 Tahun 2007.
- ☑ Nama Firma Guaman hendaklah dimasukkan selepas nama Peguam Syarie. [Merujuk Kaedah 16(2)(d) Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008.]
- ☑ Terma "kertas kausa" hanya untuk kes permohonan sahaja kerana tidak melibatkan prosiding perbicaraan. Manakala "pliding" digunakan untuk kes-kes yang dimulakan dengan saman.
- ☑ Bagi kandungan PENGHAKIMAN PERSETUJUAN dan PERINTAH FARAID sila rujuk Format Perintah.
- ☑ Bagi kandungan PENGHAKIMAN kes Hakam, pernyataan berikut digunakan:

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohibul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co., dan kehadiran kedua-dua Hakam. Setelah meneliti pliding, keterangan dan hujahan, maka diperintahkan seperti yang berikut:

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

SAMAN NO. : 2408-L2810-227-0617

ANTARA

**MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)**

PLAINTIF

DAN

**WAN HELMI BIN SAMAD
(NO. KP: 851212-10-5650)**

DEFENDAN

**DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446H**

MAHKAMAH TERBUKA


PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohbul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co. Setelah meneliti pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar RM15,000.00 sebagai mut'ah kepada Plaintiff sebelum atau pada 5 Jun 2025.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar kos kepada Plaintiff sebanyak RM2,500.00 dalam tempoh satu bulan dari tarikh hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan semua pembayaran ini dibuat dengan cara memasukkannya ke dalam Akaun Maybank milik Plaintiff (No. Akaun: 1624663354).

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

- ☞ Perintah hendaklah ditarikahkan.
- ☞ Perintah hendaklah dimeteraikan dan mematuhi:
 - ✓ Kaedah-Kaedah Meterai Mahkamah Syariah 1991;
 - ✓ Arahan Amalan No. 6/2025 : Peraturan Penggunaan Kertas Perintah Mahkamah
- ☞ Perintah hendaklah dinyatakan/dicap dengan nama Hakim atau Pendaftar yang menurunkan tandatangan.

BORANG MS 28
ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI SELANGOR) 2003

(Subseksyen 135(3))

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2408-L2810-227-0617

ANTARA

MARIA RAI BINTI SUDIR
(NO. KP: 791212-10-4210)

PLAINTIF

DAN

WAN HELMI BIN SAMAD
(NO. KP: 851212-10-5650)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

MAHKAMAH TERBUKA


PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Tuan Sohikul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor dan tanpa kehadiran Defendan. Setelah meneliti pliding, keterangan, hujahan dan sumpah *istizhar*; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar RM15,000.00 sebagai mut'ah kepada Plaintiff sebelum atau pada 5 Jun 2025.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar kos kepada Plaintiff sebanyak RM2,500.00 dalam tempoh satu bulan dari tarikh hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan semua pembayaran ini dibuat dengan cara memasukkannya ke dalam Akaun Maybank milik Plaintiff (No. Akaun: 1624663354).

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

PENGENDORSAN

Ambil perhatian bahawa, jika anda abai mematuhi perintah (atau penghakiman) ini, dalam masa yang dihadkan dalamnya, atau dalam masa empat hari selepas penyampaian perintah ini kepada anda, mengikut mana-mana yang terkemudian, maka anda melakukan suatu penghinaan Mahkamah dan dengan itu boleh dikomitkan ke penjara.


Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

- ☒ Sumpah seperti Sumpah Istizhar dalam keadaan keputusan dibacakan sebelah pihak, perlu dinyatakan.
- ☒ PENGENDORSAN ini hanya dinyatakan sekiranya berlaku situasi di bawah Seksyen 135(3) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

FORMAT PERINTAH – 2

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

PERMOHONAN NO. : 2408-H0110-133-0617

ANTARA

MOHD NIZAR BIN MOHTAR
(NO. KP: 801212-10-3673)

PEMOHON 1

MITCHELL ADRIANA BINTI ABDULLAH
(NO. KP: 881212-10-1220)

PEMOHON 2

DAN

MARINA BINTI ABDUL RAHMAN
(NO. KP: 831111-14-1570)

RESPONDEN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

DALAM KAMAR

PERINTAH


PERINTAH

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Pemohon 1 dan Pemohon 2 bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co. Setelah meneliti semua kertas kausa, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan permohonan ini berdasarkan seksyen 23(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mensabitkan pernikahan poligami antara Pemohon 1 dan Pemohon 2 yang diakadnikahkan pada 31 Ogos 2011 di Pejabat Agama Islam Songkhla, Thailand adalah sah dan mengikut hukum syarak.
3. Mahkamah memerintahkan pernikahan ini hendaklah didaftarkan sewajarnya di Pejabat Agama Islam Daerah yang berbidang kuasa tertakluk kepada peruntukan seksyen 124 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




.....
Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
SELANGOR

FORMAT PERINTAH – 3

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2408-L2810-227-0617

ANTARA

EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 821212-10-9560)

PLAINTIF

DAN

SOHAIL AFZAL BIN ZAHABI
(NO. KP: 851212-10-5657)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
PUAN SALMI AMALIA BINTI JAMIL
PADA 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

MAHKAMAH TERBUKA


PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan. Setelah meneliti Perjanjian Persetujuan bertarikh 30 Disember 2024 dan setelah berpuas hati bahawa perjanjian tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak; maka disahkan, direkodkan dan diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar RM15,000.00 sebagai mut'ah kepada Plaintiff sebelum atau pada 5 Jun 2025.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar kos kepada Plaintiff sebanyak RM2,500.00 dalam tempoh satu bulan dari tarikh hari ini.
4. Mahkamah memerintahkan semua pembayaran ini dibuat dengan cara memasukkannya ke dalam Akaun Maybank milik Plaintiff (No. Akaun: 1624663354).

Bertarikh pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
SELANGOR

PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

FORMAT PERINTAH – 4A

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

PERMOHONAN NO. : 2411-H0410-311-0493

(Di dalam perkara harta Gemulah/ Si Mati: Zulaiha Binti Mohd Kassim @ Abdul
Kosim, No. KP: 690619-10-5502, No. Sijil Kematian: J 958092)

Habibah Binti Abdullah
(NO. KP: 470717-08-5272)

Pemohon

Di Hadapan
Puan Salmi Amalia binti Jamil

Tarikh : 30 DISEMBER 2024 /
28 JAMADILAKHIR 1446

Mahkamah Terbuka

PERINTAH FARAID (UMUM)

Harta Pusaka : Zulaiha Binti Mohd Kassim @ Abdul Kosim
No. Kad Pengenalan : 690619-10-5502
Tarikh Mati : 23-04-2024
No. Sijil Kematian : J 958092

ATAS PERMOHONAN HABIBAH BINTI ABDULLAH (No. KP: 470717-08-5272) di bawah **Seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003** dan SETELAH MENELITI semua kertas kausa dan keterangan. **MAKA ADALAH DIHAKIMKAN DAN DIPERAKUKAN** bahawa orang yang berhak dalam harta pusaka Si Mati dan bahagiannya adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	NO. KP	HUBUNGAN	GEMULAH	PEMBAHAGIAN
1.	HABIBAH BINTI ABDULLAH	470717-08-5272	IBU KANDUNG	ZULAIHA BINTI MOHD KASSIM @ ABDUL KOSIM	1/6
2.	AMIRUL IBRAHIM BIN ANUAR KRISTOP	070607-14-1103	ANAK LELAKI KANDUNG	ZULAIHA BINTI MOHD KASSIM @ ABDUL KOSIM	5/6

Perintah ini dikeluarkan dengan tandatangan dan meterai Mahkamah ini pada 30 DEC 2024




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
SELANGOR

PERINTAH FARAID (SELAPIS)

- ♣ Nama si mati dan ahli waris tidak perlu ditulis dalam Huruf Kapital (Huruf Besar).
- ♣ Mengikut format ESV3.

FORMAT PERINTAH – 4B

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

PERMOHONAN NO. : 2411-H0410-311-0493

(Di dalam perkara harta Gemulah/ Si Mati: Rizalman bin Durabi, (No. KP: 801124-12-6009), No. Sijil Kematian: J 958092, Kuntum binti Supian, (No. KP: 75124-12-6004), No. Sijil Kematian: J 876092)

Habibah Binti Abdullah
(NO. KP: 470717-08-5272)

Pemohon

Di Hadapan
Puan Salmi Amalia binti Jamil

Tarikh : **30 DISEMBER 2024 /**
28 JAMADILAKHIR 1446

Mahkamah Terbuka

PERINTAH FARAID (UMUM)

Harta Pusaka : Rizalman bin Durabi
No. Kad Pengenalan : 801124-12-6009
Tarikh Mati : 12-04-2014
No. Sijil Kematian : J 958092

Harta Pusaka : Kuntum binti Supian
No. Kad Pengenalan : 75124-12-6004
Tarikh Mati : 13-04-2014
No. Sijil Kematian : J 876092

ATAS PERMOHONAN VASUDHA BINTI ARSAD, (No. KP: 681012-10-1444) di bawah **Seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003** dan **SETELAH MENELITI** semua kertas kausa dan keterangan. **MAKA ADALAH DIHAKIMKAN DAN DIPERAKUKAN** bahawa orang yang berhak dalam harta pusaka Si Mati dan bahagiannya adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	NO. KP	HUBUNGAN	GEMULAH	PEMBAHAGIAN
1.	DURAIBI BIN ABU	901013-10-1233	ANAK LELAKI SI MATI 1	RIZALMAN BIN DURABI	17/24
2.	VASUDHA BINTI ARSAD	681012-10-1444	IBU SI MATI 1	RIZALMAN BIN DURABI	4/24
3.	RAMLI BIN OSMAN	900608-10-9811	ANAK LELAKI SI MATI 2	KUNTUM BINTI SUPIAN	7/24

Perintah ini dikeluarkan dengan tandatangan dan meterai Mahkamah ini pada **30 DEC 2024**




Hakim/Pendaftar
SALMI AMALIA BINTI JAMIL
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
SELANGOR

PERINTAH FARAID (BERLAPIS)

- ♣ Nama si mati dan ahli waris tidak perlu ditulis dalam Huruf Kapital (Huruf Besar).
- ♣ Sekiranya ada ahli waris Si Mati yang tidak diketahui, maka harta si Mati tersebut hendaklah diserahkan dan ditadbir oleh Baitulmal Selangor sebagai Pemegang Amanah sehingga ahli waris ditemui. Pernyataan ini dimasukkan sebagai Nota di dalam Perintah Faraid.
- ♣ Mengikut format ESV3.

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

PERMOHONAN NO. : 2208-L1210-311-0617

ANTARA

MOHAMMAD FARID IZZUDIN BIN NOOR AZHAR
(NO. KP: 911112-08-6177)

PEMOHON

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
TUAN MOHD HAIRUDDIN BIN AB RAHIM
PADA 5 DISEMBER 2022 /
10 JAMADILAWAL 1444

MAHKAMAH TERBUKA

PERINTAH (PENSABITAN WASIAT WAJIBAH)

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Pemohon bersendirian. Setelah meneliti semua kertas kausa dan keterangan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan permohonan ini berdasarkan seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.
2. Mahkamah mensabitkan bahawa wujud wasiat wajibah ke atas harta pusaka Tauhid bin Taher @ Nor (No. KP: 371019-10-5295) dengan kematian Nor Azlin bin Tauhid (No. KP: 6842748).
3. Mahkamah mensabitkan 'Adibah binti Nor Azlin (No. KP: 860521-38-5242), Amirah binti Nor Azlin (No. KP: 881027-56-5486), Arifah binti Nor Azlin (No. KP: 900401-14-6478), Anisah binti Nor Azlin (No. KP: 920602-14-6624), Ahmad Ammar bin Nor Azlin (No. KP: 931018-14-5415), Ahmad Ameer bin Nor Azlin (No. KP: 970512-14-5009) dan Ahmad Azizi bin Nor Azlin (No. KP: 990615-14-5843) mewarisi harta pusaka Tauhid bin Taher @ Nor (No. KP: 371019-10-5295) secara wasiat wajibah sebagaimana perintah faraid kes Permohonan No. : 2208-L1210-311-0617.

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR
DI KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

PERMOHONAN NO. : 2208-L1210-311-0617

**(Di dalam perkara harta Gemulah/ Si Mati : Noor Azhar Bin Tauhid,
No. KP: 650524-10-5685, No. Sijil Kematian : J 585273)**

**MOHAMMAD FARID IZZUDIN BIN NOOR AZHAR
NO. KP: 911112-08-6177**

PEMOHON

**DI HADAPAN
TUAN MOHD HAIRUDDIN BIN AB RAHIM
MRS DAERAH KLANG**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2022 /
10 JAMADILAWAL 1444**

MAHKAMAH TERBUKA

PERINTAH FARAID (WASIAT WAJIBAH)

Gemulah 1	: Noor Azhar bin Tauhid
No. KP	: 650524-10-5685
Tarikh Mati	: 28-12-2020
No. Sijil Mati	: J 585273

Gemulah 2	: Tauhid bin Taher @ Nor
No. KP	: 371019-10-5295
Tarikh Mati	: 19-02-2022
No. Sijil Mati	: J 669791

ATAS PERMOHONAN MOHAMMAD FARID IZZUDIN BIN NOOR AZHAR (NO. KP: 911112-08-6177). **SETELAH MAHKAMAH** meneliti dan berpuashati dengan Afidavit Pemohon, keterangan Pemohon, saksi-saksi Pemohon, ekshibit-ekshibit, dokumen-dokumen yang dikemukakan **DAN** kebenaran fakta-fakta berdasarkan penyiasatan/ pendengaran/ perbicaraan yang dijalankan; maka dengan ini Mahkamah memerintahkan bahawa waris-waris yang disenaraikan di bawah ini adalah waris-waris Gemulah/ Si Mati dengan kadar bahagian masing-masing seperti yang berikut:

BIL.	NAMA	NO. KP	HUBUNGAN	GEMULAH	PEMBAHAGIAN
1.	RAHIMAH BINTI ABDULLAH	670220-08-5134	ISTERI	NOOR AZHAR BIN TAUHID	240/1920
2.	MOHAMMAD FARID IZZUDIN BIN NOOR AZHAR	911112-08-6177	ANAK LELAKI	NOOR AZHAR BIN TAUHID	680/1920
3.	MOHAMMAD FAIZUL IZZWAN BIN NOOR AZHAR	991010-08-6267	ANAK LELAKI	NOOR AZHAR BIN TAUHID	680/1920
4.	RAPIAH BINTI HUSAIN	521203-08-5942	ISTERI	TAUHID BIN TAHER @ NOR	40/1920
5.	NOOR AZWAN BIN TAUHID	691202-10-5587	ANAK LELAKI	TAUHID BIN TAHER @ NOR	70/1920
6.	NORAZMAN BIN TAUHID	760107-10-5753	ANAK LELAKI	TAUHID BIN TAHER @ NOR	70/1920
7.	NOR'AIZAH BINTI TAUHID	630708-10-7556	ANAK PEREMPUAN	TAUHID BIN TAHER @ NOR	35/1920
8.	NOOR AZRINA BINTI TAUHID	811209-08-5666	ANAK PEREMPUAN	TAUHID BIN TAHER @ NOR	35/1920
9.	AHMAD AMMAR BIN NOR AZLIN	931018-14-5415	CUCU LELAKI (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	14/1920
10.	AHMAD AMEER BIN NOR AZLIN	970512-14-5009	CUCU LELAKI (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	14/1920
11.	AHMAD AZIZI BIN NOR AZLIN	990615-14-5843	CUCU LELAKI (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	14/1920
12.	'ADIBAH BINTI NOR AZLIN	860521-38-5242	CUCU PEREMPUAN (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	7/1920
13.	AMIRAH BINTI NOR AZLIN	881027-56-5486	CUCU PEREMPUAN (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	7/1920
14.	ARIFAH BINTI NOR AZLIN	900401-14-6478	CUCU PEREMPUAN (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	7/1920
15.	ANISAH BINTI NOR AZLIN	920602-14-6624	CUCU PEREMPUAN (WASIAT WAJIBAH)	TAUHID BIN TAHER @ NOR	7/1920

Perintah ini dikeluarkan dengan tandatangan dan meterai Mahkamah ini pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

PERINTAH MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2506-H0110-212-0617

ANTARA

EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 821212-10-9560)

PLAINTIF

DAN

SOHAIL AFZAL BIN ZAHABI
(NO. KP: 851212-10-5657)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF PUAN ZALINAH BINTI SAID
PADA 10 JULAI 2025 /
15 MUHARAM 1447

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan. Setelah meneliti Perjanjian Penyelesaian bertarikh 10 Julai 2025 dan setelah berpuas hati bahawa perjanjian tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak; maka disahkan, direkodkan dan diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mengisytiharkan bahawa harta dan aset di bawah ini adalah harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan iaitu:
 - 2.1 Sebuah rumah teres beralamat di No. 13, Jalan Mentari 5/1, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. **[Perlu masukan alamat penuh seperti dalam geran.]**
 - 2.2 Sebidang tanah di HS (D) PT No. 24573, No. Lot 311, di Daerah Gombak, Negeri Selangor.
 - 2.3 Sebuah kereta Jeep Grand Cherokee (No. Pendaftaran: MK 700).
 - 2.4 8000 unit saham di Amanah Saham Nasional.
3. Mahkamah mengisytiharkan bahawa sebuah rumah di alamat No. 13, Jalan Mentari 5/1, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan adalah harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan dengan nilai pembahagian sebanyak 3/10 kepada Plaintiff dan 7/10 kepada Defendan berdasarkan penilaian semasa/

nilai ketika pihak-pihak bercerai setelah ditolak hutang dan kos berkaitan (sekiranya ada). **[Pecahan yang dinyatakan dalam perintah hendaklah mengikut kehendak pejabat tanah. Hakim hendaklah menyatakan dalam perintah sama ada nilai harta mengikut nilai semasa perceraian atau nilai semasa kes diputuskan bagi mengelakkan pihak-pihak mempertikaikan jumlah nilai tersebut.]**

4. Mahkamah memerintahkan bahawa Plaintiff adalah berhak ke atas harta/ aset pada perenggan dua di atas dengan kadar sebanyak 3/10 dan Defendan adalah sebanyak 7/10.
5. Mahkamah memerintahkan aset 2.1 dan 2.2 hendaklah dijual **(atau apa-apa cara pelaksanaan yang diperintahkan oleh hakim)** oleh Plaintiff/ Defendan dalam tempoh satu tahun dari tarikh penghakiman ini dikeluarkan dan dibahagikan mengikut kadar seperti dalam perenggan tiga.
6. Mahkamah memerintahkan Plaintiff atau Defendan yang ingin memiliki harta tersebut hendaklah membayar kadar 3/10 atau 7/10 kepada Plaintiff atau Defendan (sekiranya ada). **[Pecahan yang dinyatakan di dalam perintah hendaklah mengikut kehendak pejabat tanah. Hakim hendaklah menyatakan di dalam perintah sama ada nilai harta mengikut nilai semasa perceraian atau nilai semasa kes diputuskan bagi mengelakkan pihak-pihak mempertikaikan jumlah nilai tersebut.]**
7. Mahkamah memerintahkan bahawa bahagian Si Mati dibahagikan kepada semua ahli waris mengikut pembahagian faraid. [Atau Mahkamah isytihar harta Si Mati adalah harta pusaka (dalam keadaan tertentu). Masukkan dalam nota jika Mahkamah beri harta pada satu pihak sahaja Mahkamah hendaklah putuskan harta itu **turun milik** (cerai mati) atau **pindah milik** (cerai hidup) atau **milikan tunggal** untuk elak jadi hak orang lain.]

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2506-H0110-213-0617

ANTARA

EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 821212-10-9560)

PLAINTIF

DAN

SOHAIL AFZAL BIN ZAHABI
(NO. KP: 851212-10-5657)

DEFENDAN 1

SUHAILAH BINTI ZAHABI
(NO. KP: 870512-34-4331)

DEFENDAN 2

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF TUAN ZULFIKRI BIN YASOA'
PADA 10 JULAI 2025 /
15 MUHARAM 1447

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan-defendan. Setelah meneliti Perjanjian Penyelesaian bertarikh 10 Julai 2025 dan setelah berpuas hati bahawa perjanjian tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak; maka disahkan, direkodkan dan diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mengisytiharkan bahawa harta dan aset di bawah ini adalah harta sepencarian antara Plaintiff dan Si Mati iaitu:
 - 2.1 Sebuah rumah teres beralamat di No. 13, Jalan Mentari 5/1, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. **[Perlu masukkan alamat penuh seperti dalam geran.]**
 - 2.2 Sebidang tanah di HS (D) PT No. 24573, No. Lot 311, di Daerah Gombak, Negeri Selangor.
 - 2.3 Sebuah kereta Jeep Grand Cherokee (No. Pendaftaran: MK 700).
 - 2.4 8000 unit saham di Amanah Saham Nasional.

3. Mahkamah mengisytiharkan bahawa sebuah rumah di alamat No. 13, Jalan Mentari 5/1, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan adalah harta sepencarian antara Plaintiff dan Si Mati dengan nilai pembahagian sebanyak 3/10 kepada Plaintiff dan 7/10 kepada Si Mati berdasarkan penilaian semasa ketika Si Mati meninggal dunia setelah ditolak hutang dan kos berkaitan (sekiranya ada). **[Pecahan yang dinyatakan dalam perintah hendaklah mengikut kehendak pejabat tanah. Hakim hendaklah menyatakan dalam perintah sama ada penilaian harta mengikut nilai semasa perceraian atau penilaian semasa kes diputuskan bagi mengelakkan pihak-pihak mempertikaikan jumlah penilaian tersebut.]**
4. Mahkamah memerintahkan bahawa bahagian Si Mati dibahagikan kepada semua ahli waris mengikut pembahagian faraid. [Atau Mahkamah isytihar harta Si Mati adalah harta pusaka (dalam keadaan tertentu). Masukkan dalam nota jika Mahkamah beri harta pada satu pihak sahaja Mahkamah hendaklah putuskan harta itu **turun milik** (cerai mati) atau **pindah milik** (cerai hidup) atau **milikan tunggal** untuk elak jadi hak orang lain.]

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2506-H0110-213-0617

ANTARA

EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 821212-10-9560)

PLAINTIF

DAN

SOHAIL AFZAL BIN ZAHABI
(NO. KP: 851212-10-5657)

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF TUAN SALEHAN BIN YATIM
PADA 10 JULAI 2025 /
15 MUHARAM 1447

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan. Setelah meneliti Perjanjian Penyelesaian bertarikh 10 Julai 2025 dan setelah berpuas hati bahawa perjanjian tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak; maka disahkan, direkodkan dan diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mengisytiharkan bahawa harta dan aset di bawah ini adalah harta milikan penuh Plaintiff iaitu:
 - 2.1 Sebuah rumah teres beralamat di No. 13, Jalan Mentari 5/1, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. **[Perlu masukkan alamat penuh seperti dalam geran.]**
 - 2.2 Sebidang tanah di HS (D) PT No. 24573, No. Lot 311, di Daerah Gombak, Negeri Selangor.
 - 2.3 Sebuah kereta Jeep Grand Cherokee (No. Pendaftaran: MK 700).
 - 2.4 8000 unit saham di Amanah Saham Nasional.

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

SAMAN NO. : 2409-L0110-213-0700

ANTARA

**SITI RAHAM BINTI AHMAD
(NO. KP: 821212-10-9560)**

PLAINTIF

DAN

**HAMKA BIN ABDULLAH
(NO. KP: 851212-10-5657)**

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF PUAN ATRASINA BINTI MOHD ZAHRULLAIL
PADA 16 DISEMBER 2024 /
14 JAMADILAKHIR 1446

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan. Setelah meneliti pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 122 Enakmen Undang- undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan bahawa harta yang tersebut di bawah merupakan harta sepencarian diantara Plaintiff dan Defendan iaitu:
 - a. Tanah seluas 14 ekar di Felda Sahabat 3, Desa Kencana, Lahad Datu, Sabah merupakan harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendan.
 - b. Tapak rumah dan rumah di No. 1022, Felda Sahabat 03, Desa Kencana, Lahad Datu, Sabah merupakan harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendan.
 - c. Apa-apa faedah dan hasil pendapatan yang diperuntukkan oleh Felda adalah harta sepencarian diantara kedua-dua pihak.
3. Mahkamah memerintahkan bahawa ke semua harta dan faedah-faedah yang terbit dari perkara a-c di atas hendaklah dibahagikan sama rata 50/50.

4. Mahkamah memerintahkan sesiapa sahaja di antara Plaintiff dan Defendan yang berhasrat tinggal di rumah Felda No. 1022 tersebut hendaklah dipotong 10% daripada pendapatan bulanan dengan Felda dan dibayar kepada pihak satu lagi dan perkara tersebut berterusan sehingga pihak satu lagi memperoleh tapak rumah baharu di dalam Felda seperti yang termaktub di dalam Pekekliling bil: 1/2006 Jabatan Tanah Peraturan Tuntutan Harta Sepencarian, jika ada perubahan matan maka perintah asal boleh diubah.
5. Mahkamah memerintahkan Felda untuk memasukkan nama Hamka Bin Abdullah iaitu Defendan sebagai pemilik bersama di dalam Buku Daftar Pegangan dan di dalam geran tanah untuk No. 1022 rumah, tapak rumah dan tanah kebun di Kg Desa Kencana, Felda Sahabat 3, Lahad Datu, Sabah.

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

SAMAN NO. : 2408-H0110-331-0617

ANTARA

SITI AMINAH BINTI AHMAD
(NO. KP: 621212-10-9560)

PLAINTIF

DAN

EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 851212-10-5657)

DEFENDAN 1

DANISH MARTIN BIN JAMADI
(NO. KP: 831202-10-5343)

DEFENDAN 2

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF PUAN ZALINAH BINTI SAID
PADA 10 JULAI 2025 /
15 MUHARAM 1447

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co dan kehadiran Defendan-defendan bersama Peguam Syarie, Tuan Sohbul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor. Setelah meneliti semua pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mensabitkan bahawa hibah yang dibuat oleh Allahyarham Jamadi bin Embong kepada Siti Aminah binti Ahmad/ Defendan-defendan **[jika bilangan Defendan ramai]** pada 25 Julai 2010 adalah sah dan mengikut hukum syarak ke atas harta dan aset seperti yang berikut:
 - 2.1 Sebuah rumah teres beralamat di No. 13, Jalan Gerbang U8/13, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. **[Masukkan nombor dalam geran]**
 - 2.2 Sebidang tanah di HS (D) PT No. 24573, No. Lot 207, di Daerah Kuala Selangor, Negeri Selangor.
 - 2.3 Sebuah kereta Porsche Panamera (No. Pendaftaran: BK 677).
 - 2.4 7000 unit saham di Amanah Saham Nasional.

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

SAMAN NO. : 2408-H0110-333-0617

ANTARA

**JAMADI BIN EMBONG
(NO. KP: 621212-10-9560)**

PLAINTIF

DAN

**EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 851212-10-5657)**

DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF TUAN SALEHAN BIN YATIM
PADA 10 JULAI 2025 /
15 MUHARAM 1447

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Puan Azah binti Rizal dari Tetuan Daniel Henney & Co dan kehadiran Defendan bersama Peguam Syarie, Tuan Sohibul Kahfi bin Aziz dari Jabatan Bantuan Guaman Selangor. Setelah meneliti semua pliding, keterangan dan hujahan; maka diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah mensabitkan tuntutan penarikan balik hibah yang dibuat oleh Plaintiff ke atas Geran No. Hak Milik 4331, Lot 8045, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor (selepas ini disebut sebagai "hartanah tersebut") dibenarkan dan sah mengikut hukum syarak.
3. Mahkamah memerintahkan bahawa hibah oleh Plaintiff kepada anaknya iaitu Defendan berkaitan hartanah tersebut dibatalkan.
4. Mahkamah mensabitkan bahawa hartanah tersebut adalah kembali semula menjadi hak milik Plaintiff berkuat kuasa mulai tarikh penghakiman ini.
5. Mahkamah memerintahkan Penerima Hibah iaitu Emma Emmanuel binti Jamadi menyerahkan semula hartanah tersebut kepada Plaintiff dalam tempoh satu tahun dari tarikh penghakiman ini diputuskan.

Bertarikh pada

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR
DI SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**

SAMAN NO. : 2506-H0110-231-0617

ANTARA

**EMMA EMMANUEL BINTI JAMADI
(NO. KP: 821212-10-9560)**

PLAINTIF

DAN

**SOHAIL AFZAL BIN ZAHABI
(NO. KP: 851212-10-5657)**

DEFENDAN

**DI HADAPAN HAKIM SYARIE
YANG ARIF PUAN ZALINAH BINTI SAID
PADA 10 JULAI 2025 /
15 MUHARAM 1447**

MAHKAMAH TERBUKA

PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

Kes ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan. Setelah meneliti Perjanjian Penyelesaian bertarikh 10 Julai 2025 dan setelah berpuas hati bahawa perjanjian tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak; maka disahkan, direkodkan dan diperintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan seksyen 82 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Mahkamah memerintahkan bahawa hadhanah (hak jagaan) anak yang bernama Nicole Faria binti Nik Farhan (No. Mykid: 151020-10-1020) dan Naved Ferhad bin Nik Farhan (No. Mykid: 201020-10-3221) diserahkan kepada Plaintiff.
3. Mahkamah memerintahkan Defendan diberikan hak lawatan harian bersama anak-anak tersebut pada bila-bila masa yang sesuai dan munasabah dengan makluman kepada Plaintiff atau wakilnya.
4. Mahkamah memerintahkan Defendan diberikan hak untuk bersama dan bermalam dengan anak-anak tersebut pada setiap hujung minggu kedua dan keempat. Pengambilan anak-anak tersebut adalah pada hari Jumaat selepas jam 6:00 petang atau selepas waktu sekolah (jika anak bersekolah petang) dan dipulangkan semula anak-anak tersebut kepada Plaintiff/ Defendan/ penjaganya pada hari Ahad sebelum jam 6:00 petang.

5. Mahkamah memerintahkan hak bersama dan bermalam dengan anak-anak tersebut pada hari perayaan hendaklah dipraktikkan secara bergilir-gilir setiap tahun seperti yang berikut:
 - 5.1 Aidilfitri bagi tahun 2026/ 1447 – Defendan diberikan hak bersama dan bermalam dengan anak-anak tersebut sepenuhnya. Manakala Aidilfitri bagi tahun 2027/ 1448 – Plaintiff diberikan hak bersama dan bermalam dengan anak-anak tersebut sepenuhnya. Anak-anak tersebut boleh diambil selewat-lewatnya pada hari terakhir Ramadan mulai jam 10.00 pagi dan dipulangkan sehari sebelum cuti sekolah berakhir.
 - 5.2 Aidiladha bagi tahun 2026/ 1447 – Plaintiff diberikan hak bersama dan bermalam dengan anak-anak tersebut sepenuhnya. Manakala Aidiladha tahun 2027/ 1448 – Defendan diberikan hak bermalam dengan anak-anak tersebut sepenuhnya. Anak-anak tersebut boleh diambil mulai jam 10.00 pagi sehari sebelum dan dipulangkan sebelum jam 6:00 petang sebelum berakhir cuti hari raya Aidiladha tersebut.
6. Mahkamah memerintahkan hak bersama dan bermalam dengan anak-anak tersebut pada cuti persekolahan hendaklah dibahagikan sama rata antara Plaintiff dan Defendan (apabila anak mula memasuki alam pra-persekolahan). Bagi cuti pertengahan semester dan cuti pertengahan tahun, hak Plaintiff adalah pada awal cuti persekolahan tersebut dan kemudiannya hak Defendan selepas itu. Bagi cuti akhir tahun, hak bersama dan bermalam dengan anak tersebut adalah dalam tempoh satu minggu yang dimulai dengan Defendan terlebih dahulu dan kemudiannya satu minggu dengan Plaintiff serta digilirkan sehingga cuti persekolahan tersebut berakhir.
7. Mahkamah memerintahkan sebarang perubahan terhadap pelaksanaan terma empat, lima dan enam adalah atas perbincangan dan persetujuan daripada kedua-dua pihak.
8. Mahkamah memerintahkan hak bermalam yang diberikan kepada Defendan adalah bergantung kepada kemahuan, kehendak dan kondisi anak-anak tersebut tanpa paksaan atau halangan daripada Plaintiff, Defendan dan/atau ahli keluarga masing-masing. Bagi penentuan pelaksanaan ini, ia dibuat setelah Defendan mendengar dan/atau melihatnya sendiri keadaan anak-anak tersebut.
